

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [ LANGKAWI ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan rangkaian perniagaan di negara ini seolah-olah dikawal oleh hanya satu sahaja rangkaian perniagaan. Apakah kementerian mempunyai perancangan untuk menggunakan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang besar dan utuh untuk mewujudkan rangkaian perniagaan barang keperluan harian rakyat secara terkawal agar kualiti dan harga barang harian dapat dijual kepada rakyat dengan harga yang lebih murah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Akta Persaingan 2010 yang telah diluluskan Parlimen pada bulan Jun 2010 dan telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012 adalah diperkenalkan untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan, menggalakkan inovasi dan meningkatkan produktiviti. Objektif utama Akta ini adalah untuk mewujudkan persaingan dalam pasaran yang seterusnya menjadikan pasaran akan menjadi lebih adil dan bebas.

Proses ini juga akan memastikan terdapatnya suatu “level playing field” untuk semua pihak yang terlibat dalam aktiviti komersial sama ada pihak tersebut adalah syarikat swasta mahupun Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Cadangan untuk mewujudkan rangkaian perniagaan barang keperluan harian rakyat secara terkawal melalui sesuatu syarikat GLC mahupun swasta adalah suatu inisiatif yang perlu dikaji terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan atau campur tangan oleh Kerajaan. Dasar Kerajaan pada masa ini adalah untuk menggalakkan perusahaan-perusahaan bersaing dalam sektor ekonomi negara yang mengamalkan prinsip pasaran bebas.